

Apa Yang Harus Anda Tahu Tentang **CAYE**



Central
Provident
Fund Board

CAYE, atau Mencarum sambil memperoleh pendapatan (Contribute-As-You-Earn), membantu Golongan Bekerja Sendiri (SEP) untuk membuat sumbangan yang lebih kecil dan lebih kerap ke MediSave mereka.

CAYE tidak mengubah jumlah MediSave* yang perlu disumbangkan oleh SEP.

* Pada masa ini, SEP perlu menyumbang kepada Akaun Medisave mereka jika mereka memperoleh Pendapatan Perdagangan Bersih (NTI) tahunan melebihi \$6,000.



Bagaimana CAYE berfungsi

SEP yang menyediakan perkhidmatan kepada agensi Pemerintah didaftarkan secara automatik ke dalam CAYE.

Ini bermakna, apabila anda menyelesaikan sesuatu kerja untuk agensi pemerintah, sebahagian yuran perkhidmatan anda akan dikreditkan ke dalam Akaun MediSave anda, dengan bakinya dibayar ke dalam akaun bank peribadi anda.



Manfaat CAYE



Sumbangan Tetap MediSave

CAYE membantu anda membuat sumbangan MediSave yang lebih kecil dan lebih kerap setiap kali anda menerima yuran perkhidmatan.



Tidak Rumit

Caruman CAYE anda didepositkan ke dalam Akaun MediSave anda secara automatik apabila anda menerima bayaran.



Tambahkan Wang Anda

Dengan faedah sebanyak 5% setahun* dibayar untuk simpanan MediSave anda, CAYE akan menambah simpanan MediSave anda dengan lebih cepat.

*termasuk tambahan 1% dibayar pada \$60,000 pertama baki gabungan anggota CPF

Menetapkan kadar caruman CAYE anda

Kadar caruman CAYE anda dikira berdasarkan kadar sumbangan MediSave, anggaran NTI dan pendapatan tahunan anda. Anda boleh mengemas kini kadar caruman CAYE anda pada bila-bila masa.

Contoh:

Sam adalah seorang jurulatih berusia 48 tahun yang diambil bekerja oleh sekolah-sekolah.

Pada bulan Januari 2023, Sam log masuk ke laman web CPF untuk memasukkan anggaran pendapatan dan perbelanjaannya. Kadar caruman CAYE Sam dikira secara automatik sebagai 8%.

Pada bulan April 2023, perbelanjaan Sam meningkat tanpa diduga. Sam log masuk ke laman web CPF untuk mengemas kini perbelanjaannya dan kadar caruman CAYE baharunya disemak semula secara automatik kepada 6%. Ini akan berkuat kuasa mulai hari berikutnya.

Seperti Sam, anda boleh menetapkan kadar caruman CAYE anda dengan memasukkan anggaran pendapatan dan perbelanjaan anda di laman web CPF.

Jika tidak, kadar caruman CAYE anda akan dikira berdasarkan NTI sebenar anda dari dua tahun yang lalu.



PENDAPATAN ANGGARAN SAM PADA 2023

PENDAPATAN 2023

PENDAPATAN \$37,500

PERBELANJAAN \$7,500

3 BULAN KEMUDIAN

KADAR CARUMAN CAYE SAYA 8%


PERBELANJAAN [↑]

\$15,000


KADAR CARUMAN BARU CAYE SAYA 6%

CAYE tidak mengubah jumlah MediSave yang anda perlu bayar

Oleh sebab caruman CAYE hanyalah anggaran sumbangan MediSave anda, anda perlu mengisyiharkan NTI sebenar anda kepada IRAS / Lembaga CPF pada tahun berikutnya untuk mengira jumlah MediSave yang perlu anda bayar bagi tahun tersebut.



Sekiranya caruman CAYE anda melebihi jumlah MediSave yang perlu dilunaskan, anda akan menerima bayaran balik*.



Sekiranya caruman CAYE anda kurang daripada jumlah MediSave yang perlu dilunaskan bagi tahun tersebut, anda perlu menokok jumlah yang kurang.

*Jika anda mempunyai MediSave yang belum dilunaskan sebelum ini, caruman CAYE lebih anda akan digunakan untuk melunaskan jumlah yang belum dibayar**. Sebarang lebihan selepas itu akan dipulangkan semula kepada anda. Anda boleh memilih untuk menyimpannya dalam Akaun MediSave anda untuk menambah simpanan penjagaan kesihatan anda, atau untuk tidak menggunakan caruman CAYE lebihan untuk melunaskan jumlah MediSave yang belum dibayar bagi tahun-tahun yang lalu.

Melihat sumbangan dan pembayaran MediSave anda yang dibuat melalui CAYE



Anda boleh **log masuk ke papan pemuka Pekerjaan Sendiri menggunakan Singpass** anda untuk melihat urus niaga dan pembayaran CAYE anda, serta mengemas kini pendapatan dan perbelanjaan anda.

Untuk pertanyaan tentang pembayaran lain, anda boleh menyemak secara langsung dengan syarikat atau agensi pekerjaan anda.

**Berkuat kuasa bagi caruman CAYE yang dibuat mulai tahun 2023